

# Ketetapan contohi Malaysia tangani isu pelampau

KUALA LUMPUR 8 Mei — Muktamar Menteri-Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam Ketujuh selama tiga hari yang berakhir hari ini membuat ketetapan supaya semua negara Islam mencontohi pendekatan Malaysia dalam menangani isu pelampau.

Dalam ketetapan itu, muktamar tersebut memuji pendekatan Malaysia dalam menghadapi masalah pelampau menerusi dasar yang menyeluruh, penghayatan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan, penekanan kepada aqidah Islam untuk mewujudkan keperibadian yang seimbang.

Ketetapan itu adalah antara 12 ketetapan yang dicapai pada penghujung muktamar tersebut yang dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin selaku pengerusi persidangan.

Muktamar itu juga membuat ketetapan untuk menerima keseluruhan ucaptama Perda-

na Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam sebagai satu dokumen rasmi muktamar.

Ucaptama itu diterima kerana ia disifatkan oleh para peserta sebagai sangat berani, bernas dan disampaikan tepat pada masa dan tempatnya oleh seorang pemimpin yang begitu dihormati oleh dunia.

Antara intipati ucapannya semalam, Dr. Mahathir menegaskan bahawa kesenasaraan dan kemunduran yang dialami oleh umat Islam hari ini berpunca dari sikap mereka sendiri yang sering menyalahkan takdir daripada berusaha mengubah takdir.

Beliau turut menekankan mengenai kepentingan menuntut ilmu supaya umat Islam dapat memperkukuhkan ekonomi mereka dan seterusnya membantu meningkatkan syiar Islam dan negara-negara Islam yang lam.

Dalam urusan harta wakaf dan pelaburannya, para perwakilan bersetuju untuk be-

kerjasama dalam melaksanakan projek-projek yang berkaitan dengan wakaf antara negara-negara Islam termasuk dalam urusan pelaburan yang telah diusahakan oleh Bank Pembangunan Islam (IDB).

Muktamar turut merakamkan ucapan terima kasih kepada IDB dan Kerajaan Kuwait atas usaha yang dilakukan untuk menyelaras kerja-kerja dalam bidang wakaf di negara-negara Islam dan memastikan tujuan pemeliharaan dan pelaburan harta wakaf mencapai matlamatnya.

Mengenai urusan zakat, muktamar menetapkan supaya yayasan zakat dan takaful diwujudkan di setiap negara Islam yang belum mempunyai badan seumpama itu supaya kutipan zakat dapat diselaras-kan dan projek-projek yang dipersetujui dapat dilaksanakan.